

12/05/2002

Pertemuan minda Melayu dengan orang Amerika

Dari Washington DC, Sabtu:

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan berjumpa Presiden George W Bush pada pukul 3.21 petang Selasa - pertemuan minda kali kedua bagi kedua-dua negarawan.

Rundingan Dr Mahathir - Bush di White House melakar sejarah baru bagi hubungan dua hala di antara KL dan Washington, petanda jelas keutamaan dasar luar negara dan diplomasi Malaysia - Amerika Syarikat telah berubah seiring dengan tuntutan masa yang berubah dan akan terus bertukar.

Perdana Menteri juga akan berbincang dengan Naib Presiden Dick Cheney dan Penasihat Keselamatan Negara (National Security Advisor) Condoleeza Rice dan pegawai-pegawai tertinggi Jabatan Negara AS (Kementerian Luarnya) tetapi tidak dengan Setiausaha Negara (Menteri Luar) Colin Powell kerana Powell tiada di Washington.

Saya tidak akan membincang apa yang mereka akan kemuka sehingga selepas perjumpaan itu. Apapun matlamat perbincangan ialah bagi mengeratkan lagi hubungan yang diretakkan oleh kebiadaban bekas Naib Presiden AS, Al Gore apabila dia manghasut rakyat Malaysia menentang kerajaan Dr Mahathir dengan seruan "Reformasi! Reformasi!" pada jamuan makan malam meraikan wakil-wakil APEC di Kuala Lumpur pada 16 November 1998. Al Gore berbuat demikian atas nasihat kedutaan AS yang salah baca suhu politik Melayu dan keiltizaman kerajaan yang dipimpin Umno.

Apapun peristiwa itu telah berlalu. Kita harus melihat ke depan. Kalau pun mahu melihat ke belakang, kita kembali masa hubungan KL-Washington, iaitu zaman sebelum, ketika dan selepas konfrantasi Indonesia di mana AS menyokong kita dan hubungan kedua-dua negara baik dan agak mesra. Presiden Lyndon Baines Johnson sebelum itu Presiden John Kennedy dan Presiden Dwight Eisenhower mendapati Tunku Abdul Rahman Putra seorang pemimpin yang bijak kerana berjaya mengalahkan pemberontakan komunis yang AS gagal berbuat demikian di Vietnam walaupun dengan kekuatan ketenteraan yang terunggul di dunia. Johnson hingga kini adalah Presiden AS tunggal yang pernah melawat Malaysia pada tahun 1967.

Saya percaya pertemuan dua negarawan yang pragmatik ini akan atau harus melahirkan satu fasa baru dalam hubungan politik, ekonomi dan ikatan yang segar di antara kedua-dua rakyat (people-to-people relationship).

Lagipun AS adalah negara terpenting bagi ekonomi kita (jumlah dagangan berjumlah RM112.48 bilion, dengan nilai eksport AS\$17.8 bilion (RM67.64 bilion) dan import AS\$11.8 bilion (RM44.84 bilion) - AS\$6 bilion (RM22.8 bilion) menguntungkan kita. Eksport AS kepada kita lebih besar daripada jumlah eksportnya kepada tiga negara terbesar - India, Indonesia dan Russia. AS pula mahu mendekati kita - sebuah negara Islam termaju dan moden yang tiada toleransi terhadap keganasan.

Apatah lagi masakan AS tidak mengambil kira peranan, kedudukan dan pengaruh Dr Mahathir di Dunia Ketiga lebih-lebih lagi ia bakal pengerusi Non-Aligned Movement (NAM) dan Organisation of Islamic Conference (OIC) yang akan mengadakan persidangannya di Kuala Lumpur tahun depan.

Semenjak Tragedi 11 September, hubungan KL - Washington yang terganggu sedikit itu mulai baik. Dr Mahathir dan Bush sedar peranan masing-masing dalam diplomasi semasa dan akhirnya dalam sejarah, maka sudah tentu mereka akan mengambil kira apa yang boleh menyatukan daripada perkara yang memecah belah.

Dalam apa jua hubungan pun, yang terpenting ialah saling hormat

menghormati, tidak campur tangan dalam urusan domestik masing-masing, menghargai dan mengiktirafkan kedaulatan masing-masing. Asas persahabatan terletak besar pada kehormatan bukan pada kekuatan.

Makan Beriani Ayam selepas Solat Jumaat

Pagi Jumaat saya telah menjadi "pemandu pelancong" bagi Idris Tulis dan anaknya Rafiq. Kami telah bersiar-siar di sekitar kawasan White House dan melihat rumah tetamu Presiden AS iaitu Blair House (di belakang White House) di mana Dr Mahathir akan menginap apabila dia tiba esok. Idris adalah Penerbit dan Ketua Pengarang Era Baru.

Selepas kembali ke Hotel Ritz Carlton, kami ambil wuduk dan terus ke Masjid Washington untuk menunaikan Fardu Jumaat walaupun kami musafir. Tiada banyak perubahan padanya, serupa seperti saya mulai sembahyang di masjid itu sewaktu saya menjadi Congressional Fellow pada tahun 1960-62 (sewaktu berumur 23 tahun). Selepas solat semua jemaah yang mahu dijemput makan nasi Beriani Ayam percuma - tradisinya setiap Jumaat dan waktu berbuka puasa.

Di luar masjid, ada satu kumpulan, saya kira orang Iran - lelaki dan perempuan, bersolat di atas jalan. Waktu kami melintasinya, imamnya sedang berkhotbah. Contoh sembahyang dua imam dan kedua-dua khutbah menekankan penting dan wajibnya perpaduan ummah yang menjadi sebahagian daripada iman; Firman Allah dan sabda Nabi Muhammad s a w: Beginilah nasib orang Islam, bikin tidak seperti cakap. Minoriti tidak mahu ikut majoriti. Saya hairan mengapa mereka tidak membina masjid mereka sendiri atau bersembahyang di kedutaan mereka yang tidak jauh dari masjid itu.

Dr Mahathir rasmi Kedutaan Baru

Pagi Rabu, Perdana Menteri akan merasmikan kedutaan baru kita di Enclave Diplomatic (kawasan kedutaan). Saya membawa Idris Tulis dan Rafiq melihat kedutaan lama di Massachusetts Avenue. Masakan saya boleh lupa tempat berteduh? Di sinilah saya mengenali Tan Sri Osman Aroff waktu itu Pegawai Keselamatan Kedutaan. Duta waktu itu ialah Tan Sri Nik Ahmad Kamil, seperti bapa kepada saya. Saya kenali keluarga Nik Kamil semenjak tahun 1948 lagi kerana anak lelaki sulung Nik Kamil, Leftenan Jeneral Datuk Nik Mahmood Fakhruddin Kamil kawan sedarjah saya di MCKK dari tahun 1949 - 1954. Kami berkawan baik semasa dan selepas MCKK. Kedua-dua anak dan bapa telah kembali ke Rahmatullah.

Kedutaan baru ini bertingkat empat selain daripada basement. Style dan reka bentuk bangunan adalah Anglo - Straits. Selain daripada anjung, pada saya tiada ketara bentuk bangunan Melayu yang cuba ditonjolkan. Namun begitu bangunannya agak menarik, besar dan luas berbanding yang lama; memakan masa dua tahun membinanya. Sebuah dewan besar diberi nama Dewan Tun Hussein, dikatakan replika kepada dewan mengadap Istana Kesultanan Melaka. Apapun kedutaan baru ini menggunakan sistem yang tercanggih, semuanya dikomputerisasikan.

Jemputan ke Yangon

Dalam penerbangan MAS ke Tokyo bersama saya ialah rakan lama Tan Sri Razali Ismail yang juga akan ke Washington setelah berehat di Jepun. Razali telah menjemput saya mengiringinya ke Yangon bulan depan untuk menghadiri satu perayaan. Dia adalah Penasihat Khas kepada Dr Mahathir dan Wakil Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke Myanmar. Kerana usahanya yang gigih, satu kemenangan bagi diplomasi Melayu, Aung San Suu Kyi, telah dibebaskan oleh pemerintahan tentera Myanmar. Saya telah melawat Myanmar waktu negara itu dikenali sebagai Burma.

Musim bunga

Hawa di Washington nyaman walaupun matahari cerah, musim bunga atau Spring. Di merata ceruk bunga berbagai-bagai warna kelihatan segar dan menawan. Semoga lawatan Dr Mahathir seperti lawatan Tun Razak ke China juga masa musim bunga (tahun 1974) membawa hasil terbaik bagi politik dan

diplomasi Melayu dan hubungan masa depan antara kita dan AS.  
(END)